# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **Berita Harian** |
| **TAJUK BERITA** | **Sultan Selangor pengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja** |
| **MUKA SURAT** | **3** |



***Sultan Sharafuddin diiringi Menteri Besar Selangor,*** *Amirudin Shari mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-254 di Istana Negara, semalam.* [Foto BERNAMA]

# Sultan Selangor pengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja

**Kuala Lumpur:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-254 di Istana Negara, semalam.

Terdahulu, sebelum mempengerusikan mesyuarat yang bermula kira-kira 11 pagi itu, Sultan Sharafuddin berkenan memberi tabik hormat ke atas Kawalan Kehormatan Utama (KKU), yang dibarisi tiga pegawai dan 103 tentera terdiri daripada pelbagai pangkat daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

KKU yang julung kali diadakan di Dataran Utama, Istana Negara, itu adalah inisiatif Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Raja-Raja Melayu yang berangkat hadir ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah; Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin; Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar; Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail; Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Almarhum Sultan Badlishah dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Almarhum Tuanku Munawir.

Kelantan diwakili Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra dan Pahang diwakili Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Raja-Raja Melayu diiringi Menteri Besar masing-masing, manakala Yang Dipertua Negeri diiringi Ketua Menteri.

Kelmarin, Raja-Raja Melayu turut menghadiri mesyuarat pertemuan awal Majlis Raja-Raja yang juga diadakan di Istana Negara.

BERNAMA

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Warga asing buang sisa makanan ditahan** |
| **MUKA SURAT** | **55** |



***Longgokan sisa makanan dibuang warga asing*** *di Jalan SP1, Bandar Saujana Putra Banting, Sabtu lalu.* (Foto Ihsan MDKL)

# Warga asing buang sisa makanan ditahan

**Banting:** Perbuatan seorang lelaki warga asing yang membuang sisa makanan perniagaan di Jalan SP1, Bandar Saujana Putra, di sini, Sabtu lalu, mengundang padah apabila dicekup sepasukan penguat kuasa Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid, berkata sepasukan anggota penguat kuasa yang melakukan intipan, menahan warga asing itu yang memandu sebuah kereta Proton Iswara ketika individu berkenaan leka membuang sisa makanan perniagaan.

Katanya, intipan bermula jam 12 tengah malam Sabtu lalu, sebelum anggota penguat kuasa cawangan Bandar Saujana Putra menahan lelaki itu pada jam 3.40 pagi.

"Bagi kesalahan membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan, lelaki itu dikenakan notis kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil 4, Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap MDKL 2007.

"Kereta itu disita mengikut Undang-Undang Kecil 21(1), Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap MDKL 2007," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mohamad Zin berkata, pihaknya turut mengambil tindakan terhadap majikan lelaki itu dengan menyita sebuah lori.

Katanya, pihaknya juga mendapati peniaga itu tidak memiliki lesen perniagaan daripada MDKL.

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Sultan Selangor pengerusikan mesyuarat Majlis Raja-Raja |
| MUKA SURAT | 3 |



**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH diiringi Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 di Istana Negara, semalam. Turut berangkat Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin diiringi Menteri Besar, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar dan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang diiringi Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man. - BERNAMA**

## Sultan Selangor pengerusikan mesyuarat Majlis Raja-Raja

**KUALA LUMPUR 3 Julai** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 di Istana Negara.

Terdahulu, sebelum mempengerusikan mesyuarat yang bermula kira-kira 11 pagi itu, Sultan Sharafuddin berkenan memberi tabik hormat ke atas Kawalan Kehormatan Utama (KKU), yang dibarisi tiga pegawai dan 103 tentera terdiri daripada pelbagai pangkat dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

KKU, yang julung kali diadakan di Dataran Utama, Istana Negara itu adalah inisiatif Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Raja-raja Melayu yang berangkat hadir ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah; Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin; Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar; Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail; Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Kelantan diwakili Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra dan Pahang diwakili Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Raja-Raja Melayu diiringi Menteri Besar masing-masing manakala Yang Dipertua Negeri diiringi Ketua-Ketua Menteri. - BERNAMA

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Selangor Sultan chairs Rulers' meeting** |
| **MUKA SURAT** | **2** |

## Selangor Sultan chairs Rulers' meeting

**KUALA LUMPUR:** The two-day 254th meeting of the Conference of Rulers started at Istana Negara yesterday, chaired by Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Earlier, he took the salute before an inaugural guard-of-honour at the main square of the palace.

The introduction of the guard-of-honour, mounted by three officers and 103 personnel of the 1st Battalion Royal Malay Regiment, was the initiative of Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Yesterday's meeting was attended by Sultan Perak Sultan Nazrin Shah; Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin; Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar; Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail; Sultan Kedah Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin and Yang Dipertuan Besar of Negri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Kelantan was represented by Tengku Mahkota Kelantan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra and Pahang by Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

The Yang di-Pertua Negeri of Penang, Melaka, Sabah and Sarawak also attended the meeting.

The Malay Rulers were accompanied by the respective Mentris Besar and the Yang di-Pertua Negeri by the respective Chief Ministers.

On Tuesday, the Malay Rulers held a pre-council meeting at Istana Negara. — Bernama



**Sharing a light moment:** Sultan Sharafuddin and Sultan Nazrin having a conversation after the 254th meeting of the Conference of Rulers at Istana Negara in Kuala Lumpur. — Bernama

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Rewarded for green lifestyle** |
| **MUKA SURAT** | **2** |

# Rewarded for green lifestyle

## MBPJ's tax rebate scheme brings ratepayers' creativity to the fore

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

GREEN living requires personal commitment but having incentives certainly helps create greater interest among the public to embark on a sustainable lifestyle.

Petaling Jaya City Council (MBPJ) is said to be the first council not just in the country but also Asia to offer assessment tax rebates since 2011 to ratepayers who practise green living.

Homeowners will be given a one-time rebate if they implement environmentally-friendly practices in their house and adopt a low-carbon lifestyle.

The "Assessment Tax Rebate for Eco-Friendly House Owners Low-Carbon Green City of Petaling Jaya Year 2018" is open for applications until July 31.

After the closing date, MBPJ will send experts to houses which owners have applied for a rebate under the scheme, to evaluate their practices.

The city council will provide an assessment rebate of up to 100% or a maximum of RM500 – whichever is lower – that will be reflected in their 2020 bill.

*StarMetro* spoke to residents who received 100% or the RM500 maximum rebate for previous years' assessment based on their eco initiatives.

### Recycling lifestyle

Mother of two, Thy Wuey Ping, lives in a condominium but despite that, strives to adopt a green lifestyle.

She qualified for the maximum RM500 rebate in her 2018 assessment bill.

"I changed all the bulbs in the house to LED lights. I kept the receipts as proof to show to MBPJ when they came to inspect my condo.

"As a family, we also strive to consume less water even though the first 20cu m is free in Selangor.

"This carries points too when it comes to qualifying for the assessment rebate.

"I separate my household waste and drop the recyclables at my condominium's recycling bins," said Thy who learns new eco living ideas through online support groups.

She has also taught herself to weave baskets using food packaging such as 3-in-1 drink sachets.

Thy hopes to teach senior citizens in old folk's homes how to weave baskets using these materials in the future, as this will keep their minds active while giving them an opportunity to play a role in saving the environment.

"My mother gives me all her cleaned food packages to be weaved into baskets.

"There are many videos online on ways to upcycle plastics," said Thy who cultivates many plants in her house.

She has also learned to make eco-bricks using plastic bags which are cleaned then stuffed into 1.5l drink bottles.

The bottles can later be used to make furniture and construct walls. This helps to prolong the usefulness of plastic and ensure it is used more than once.

"I came to know of the Malaysia Eco Brickers community recently and I plan to donate my eco-bricks to those who need them," she added.

In addition, Thy shops for clothes at second-hand stores and patronises Bring Your Own Bottle shops.

She has embarked on waste composting too, using the Bokashi fermentation technique.



Syed collects mowed grass and discarded leaves from his garden and turns them into fertiliser.

Thy said those interested in practising a green lifestyle should start by separating their household waste and make more conscious decisions while shopping.

"Among the main challenges in going green are time constraints and having to put in extra effort. However it needs to be done for the sake of the environment."

### Energy-saving home

Couple Chatwin Hoe and Maggie Yew incorporated energy-saving features when they renovated their double-storey house and received a 100% assessment tax rebate for their efforts.

"We installed a solar panel that is connected to our water heater and LED lights in places such as the living room and kitchen.

"We also installed water-saving flush boxes in the toilets.

"Our rooms have energy-saving air-conditioners too," said Hoe.

He acknowledged that though energy-saving appliances cost more, they translate into savings in the long run.

"I do a lot of online shopping and buy and keep LED lights when they are on offer," said Hoe who occasionally cycles to the Forest Research Institute Malaysia in Kepong with his wife. Cycling qualifies for points under the tax rebate programme.

Yew welcomed MBPJ's move to give assessment tax rebates.

"Energy-saving appliances cost more. I hope manufacturers would be able to reduce the price.

"The government should support manufacturers that make these eco-friendly items by offering them a tax rebate too. Hopefully this will encourage more people to purchase such items," said Yew.

She has also started collecting used toilet paper rolls to turn

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Rewarded for green lifestyle** |
| **MUKA SURAT** | **3** |

them into toys for her sons.

The couple plan to embark on hydroponic gardening and composting in the future.

On how to popularise green living, the couple said strict enforcement should be carried out, especially for waste separation at source.

"A notice was sent to households to separate waste and we are doing it. But many don't.

"When there is no enforcement, people will not follow the rules," said Yew.

## Green fingers

Senior citizen Syed Mohd Taufik has created his own rainwater harvesting system, which earned him points for the assessment tax rebate.

He uses the collected water to water his plants and takes great pride in his invention.

Syed earned a 100% tax assessment rebate for the green initiatives he implemented in his home.

An avid birdwatcher, he noticed more birds of different species have been visiting his house and the neighbourhood due to the increase in the number of plants and trees.

He once rescued a tree that his neighbour had discarded.

"He did not want the plant so I planted it in a corner of my garden and now it has grown to 10m and attracts various birds.

"I have spotted green pigeons, coppersmith barbet and black-naped orioles," he noted.

In his garden, he collects mowed grass and discarded leaves to turn into fertiliser.

Syed, who is Bandar Utama Residents Association chairman, practises waste separation and hopes to set an example.

"I hope people will discard bad habits such as littering.

"Dispose your rubbish properly and be considerate to trash collectors."

For details on the assessment rebate, visit www.mbpj.gov.my



Yew is collecting used toilet paper rolls to turn into toys for her sons.



Thy has started weaving baskets with 3-in-1 drink sachets.

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **KOSMO** |
| **TAJUK BERITA** | **Sultan Selangor pengerusi mesyuarat Majlis Raja-Raja** |
| **MUKA SURAT** | **6** |

# Sultan Selangor pengerusi mesyuarat Majlis Raja-Raja



SULTAN Sharafuddin bersama Sultan Nazrin Shah selepas Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 di Istana Negara semalam.

**KUALA LUMPUR** – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 di Istana Negara semalam.

Terdahulu, sebelum mempengerusikan mesyuarat yang bermula kira-kira 11 pagi itu, Sultan Sharafuddin turut berkenan memberi tabik hormat ke atas Kawalan Kehormatan Utama (KKU) yang dibarisi tiga pegawai dan 103 tentera terdiri daripada pelbagai pangkat daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

KKU yang julung kali diadakan di Dataran Utama, Istana Negara itu adalah inisiatif Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Raja-raja Melayu yang berangkat hadir ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah; Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin; Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar; Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail; Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Almarhum Sultan Badlishah dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Kelantan diwakili Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra dan Pahang diwakili Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari bermula semalam turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Raja-raja Melayu diiringi Menteri Besar masing-masing, manakala Yang Dipertua Negeri diiringi ketua-ketua menteri.

Semalam, raja-raja Melayu turut menghadiri mesyuarat pre-counsil Majlis Raja-Raja yang diadakan di Istana Negara. – Bernama

# KERATAN AKHBAR
# 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR** |
| **TAJUK BERITA** | **33 dijangkiti Influenza B** |
| **MUKA SURAT** | **33** |

# 33 dijangkiti Influenza B

*Guru, pelajar MRSM Kuala Kubu Bharu kini dalam keadaan stabil*

MUHAMMAD AMINURALIFF MOHD ZOKI DAN MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

KUALA KUBU BHARU




**Seramai 33 pelajar dan guru MRSM Kuala Kubu Bharu dijangkiti Influenza B sejak 14 Jun lalu dan kini dilaporkan stabil.**

SINAR (33)

Seramai 33 pelajar dan guru Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Kubu Bharu di sini dijangkiti Influenza B.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, kes pertama direkodkan pada 14 Jun lalu.

Menurutnya, bagaimanapun tiada kes baharu dilaporkan sehingga kini dan status kesemua kes dilaporkan stabil sehingga 30 Jun lalu.

Beliau berkata, sebelum ini pelajar dan guru terlibat mengalami simptom demam, batuk, selsema, muntah, cirit-birit dan pening.

"Seramai 13 orang mendapatkan rawatan pesakit luar namun tiada dimasukkan ke hospital," katanya semalam.

Menurutnya, langkah kawalan diambil termasuk pembasmian kuman.

Menurutnya, pihaknya akan terus memantau keadaan itu bagi memastikan tiada jangkitan baharu.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pendidikan Selangor, Muhamad Radzi Abdullah berkata, tindakan penutupan sementara sesi sekolah hanya dilakukan sekiranya Jabatan Kesihatan mengeluarkan kenyataan berhubung perkara itu.

Menurutnya, keadaan di sekolah dan asrama terbabit masih terkawal malah ibu bapa dibenarkan membawa pulang pelajar yang mengalami simptom.

"Saya belum terima laporan berapa ramai pelajar yang sudah dibawa balik dan sekarang kita masih bergantung kepada siasatan Jabatan Kesihatan.

"Kita tunggu sama ada ada keperluan untuk merehatkan pelajar atau tidak.

"Pada hari ini (semalam) pun, kakitangan Jabatan Kesihatan ada datang ke sekolah untuk memeriksa kesihatan dan mengambil sampel darah pelajar," katanya.

Muhamad Radzi berkata, ibu bapa juga masih menunggu keputusan siasatan dan buat masa ini, pihaknya mengambil ketetapan untuk tidak menutup sesi persekolahan.

Menurutnya, ibu bapa dibenarkan membawa anak yang tidak sihat pulang ke rumah.